



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## TEKS UCAPAN ALUAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**KONVENTSYEN SEJARAH DAN PERPADUAN NASIONAL 2024  
“MENELUSURI SEJARAH :  
MEMBINA PERPADUAN NEGARA BANGSA”**

**19 SEPTEMBER 2024 (KHAMIS) | 9.20 PAGI**

**BALLROOM, DOUBLE TREE BY HILTON,  
I-CITY, SHAH ALAM, SELANGOR**

## **SALUTASI**

(*\*akan disediakan secara berasingan*)

## **PENDAHULUAN**

1. Sekalung penghargaan kepada YAB Dato' Seri Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri atas kesudian untuk merasmikan **Konvensyen Sejarah dan Perpaduan Nasional 2024** bertemakan “Menelusuri Sejarah : Membina Perpaduan Negara Bangsa”.
2. Untuk makluman semua, Konvensyen Sejarah dan Perpaduan Nasional ini bertujuan melestarikan kepentingan elemen sejarah sebagai tunjang pembentukan masyarakat Malaysia MADANI yang unik, bersatu, progresif, dinamik dan berdaya saing tanpa mengira agama, bangsa dan budaya. Konvensyen kali ini akan mengulas empat tema utama iaitu **Persekutuan, Ekonomi, Masyarakat dan Pembinaan Negara**.
3. Konvensyen ini juga merupakan inisiatif *flagship* program “**Ini Warisan Kita**” di bawah kluster “**Semarak Kenegaraan**”. Ini bertujuan untuk menyebarluaskan maklumat sejarah negara kepada masyarakat, bahawa pentingnya pembinaan negara bangsa Malaysia berdasarkan acuan sendiri, dan harus dilaksana dengan berpaksikan kepada kefahaman, pembelajaran, serta mengambil iktibar dari kejadian masa lampau.
4. Bagi mengisi agenda konvensyen selama dua hari ini, turut diadakan sesi pembentangan kertas, sesi forum oleh tokoh panel yang berpengalaman luas dan **pameran eksklusif dengan tema “Perjuangan Perdana Ke Arah Kemerdekaan”**.

## **KEPENTINGAN SEJARAH DALAM MEMBANGUN NEGARA**

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Sejarah bukan sekadar catatan masa lalu; ia adalah asas yang membentuk identiti dan semangat kita sebagai rakyat Malaysia. Melalui sejarah, kita dapat memahami perjuangan dan kejayaan yang telah membentuk negara ini. Dari zaman penjajahan, perjuangan kemerdekaan, hingga kepada pembangunan pesat dalam era moden, setiap peristiwa sejarah memberi sumbangan dalam membentuk identiti nasional kita.
6. Identiti nasional Malaysia Madani bukanlah sesuatu yang boleh dibina dalam sehari. Ia adalah hasil daripada pemahaman dan penghayatan kita terhadap sejarah. Dengan mengkaji sejarah negara, kita dapat mengenali nilai-nilai teras yang telah ditanamkan oleh nenek moyang kita. Ini termasuk semangat perpaduan, kebersamaan, dan keadilan sosial. Nilai-nilai ini adalah asas penting dalam membina masyarakat yang harmoni dan sejahtera.
7. Sejarah juga memberikan kita panduan untuk masa depan. Dengan mempelajari kejayaan dan kegagalan masa lalu, kita boleh membuat keputusan yang lebih bijak dan berstrategi dalam menghadapi cabaran semasa. Ini membolehkan kita membina masa depan yang lebih baik untuk generasi akan datang, selaras dengan prinsip Malaysia Madani yang mengutamakan kesejahteraan dan keadilan.
8. Malaysia dikenali dengan kepelbagaian etnik dan budaya yang kaya. Sejarah membantu kita memahami dan menghargai sumbangan setiap

kumpulan etnik dalam pembentukan negara. Dengan memahami sejarah kepelbagaian ini, kita dapat membina masyarakat yang lebih inklusif dan harmoni. Apabila kita menghargai warisan budaya masing-masing, kita memperkuuh perpaduan dan mengukuhkan jalinan sosial antara pelbagai kaum.

## **PERANAN ARKIB NEGARA MALAYSIA**

Para hadirin yang saya kasihi sekalian,

9. Arkib Negara Malaysia bertanggungjawab untuk menyimpan dan memelihara dokumen-dokumen sejarah penting yang berkaitan dengan pembangunan negara, termasuk dokumen kerajaan, surat-menurut rasmi, dan bahan-bahan sejarah yang lain. Pemeliharaan ini memastikan bahawa rekod-rekod ini tetap dalam keadaan baik dan boleh diakses oleh generasi akan datang.
10. Dengan menjalankan fungsi-fungsi ini, Arkib Negara Malaysia membantu dalam memelihara identiti kebangsaan, menyediakan sumber maklumat untuk penyelidikan dan pendidikan, serta melindungi warisan budaya negara kita.
11. Suka juga saya menyatakan bahawa, masih banyak rekod-rekod mengenai Malaysia yang berada di luar negara perlu diperolehi kerana ianya amat penting untuk dijadikan bukti bagi negara mempertahankan hak kedaulatan kawasan, sempadan atau wilayah. Kegagalan memperolehi rekod-rekod ini, termasuk dokumen rasmi dan tidak rasmi seperti fail pentadbiran, laporan dan perjanjian boleh membuatkan Malaysia mungkin kehilangan hak kepentingan melindungi negara dan rakyat di masa depan.

12. Kos untuk memperolehi rekod-rekod ini adalah besar. Oleh itu, Kementerian Perpaduan Negara berharap agar kerajaan khususnya YAB Timbalan Perdana Menteri dapat memberikan pertimbangan sewajarnya dalam perkara ini.

## **PENUTUP**

Para hadirin yang saya muliakan sekalian,

13. Saya mewakili pihak Kementerian dan Arkib Negara Malaysia mengucapkan terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan oleh pelbagai agensi seperti Jabatan Perdana Menteri, Polis Diraja Malaysia, Akademi Kenegaraan Malaysia, Institut Pendidikan Tinggi, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan rakan persatuan serta komuniti.
14. Konvensyen ini akan menghasilkan resolusi di akhir pembentangan yang akan dibawa dalam Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) untuk rangka tindakan Kementerian Perpaduan Negara dalam hal-hewal usaha penyatuan nasional (*national reconciliation*) dari pelbagai sudut dan mencadangkan kaedah penyelesaian terbaik kepada Kerajaan untuk menangani isu dan cabaran perpaduan.
15. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada YAB Dato' Seri Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri, atas kesudian hadir merasmikan **Konvensyen Sejarah dan Perpaduan Nasional, “Menelusuri Sejarah : Membina Perpaduan Negara Bangsa”** ini.

Sekian, terima kasih.